

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT TANAH BESUT (PTB)

Oleh

ASLIZA RAHAYU BINTI MOHD SAID  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100045428

L18 FPE | 2005



1100045428  
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah Besut (PTB) /  
Asliza Rahayu Mohd Said.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045428

1100045428

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

## **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT TANAH BESUT (PTB)**

**Oleh:**

**ASLIZA RAHAYU BINTI MOHD SAID  
UK 9060  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100045428**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan sebuah buku laporan yang telah disyaratkan oleh unit perhubungan dan latihan kemahiran sebagai memenuhi sebahagian daripada latihan kemahiran, yang bertempat di Pejabat Tanah Besut.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat. Di sini saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada TUAN. HJ ABDUL RAHMAN BIN YAHYA selaku Ketua Penolong Pegawai Tanah kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjalani Latihan Kemahiran di Pejabat Tanah Besut selama hampir tiga bulan.

Ribuan terima kasih juga kepada EN. ABDUL RAHMAN BIN ISMAIL, selaku Penyelia di PTB dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan PTB kerana sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan pendapat, tanpa mereka belum tentu saya dapat melakukan tugas yang diamanahkan.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada PUAN RUZAINI BINI SULAIMAN selaku penyelia latihan industri yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa saya menyiapkan laporan ini. Dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberi sokongan

dari belakang dan akhir sekali ucapan ini ditujukan buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya menyiapkan laporan ini.

Sekian Terima Kasih.

## **BIODATA DIRI**

Nama : Asliza Rahayu Binti Mohamed Said

Tarikh lahir : 20 November 1983

Umur : 22 tahun

Tempat belajar : Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Program : Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Kelulusan kemasukan : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

Penyelia kustem : Puan Ruzaini Binti Sulaiman @ Abdul Rahman

Penyelia industri : Encik Abdul Rahman Ismail

Alamat : 15 Kampung Lepan Kejor, 22000 Jerteh Besut, Terengganu Darul Iman.

Tempat latihan industri : Pejabat Tanah Besut

## **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya Asliza Rahayu Binti Mohamed Said UK9060

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama : Asliza Rahayu Bt Mohd Said

Tarikh: 21 julai 2005

Disahkan Oleh:

Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM

**RUZAINI SULAIMAN@ABDUL RAHIM**

Pensyarah

Matlamat Pengajian Umum  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Terengganu  
31030 Mengabang Telipot  
Kuala Terengganu.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Program praktikum merupakan satu program penempatan industri pelajar bagi tujuan memenuhi keperluan pengijazahan Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi sebelum tamat pengajian masing-masing. Sebenarnya penempatan praktikum tidak dihadkan kepada organisasi kerajaan sahaja malah para pelajar boleh juga ditempatkan di pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor perindustrian dan perkilangan (PRAINDUSTRI) dan juga sektor-sektor swasta yang lain.

Bagi penuntut program Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial, tempoh yang ditetapkan adalah selama 12 minggu. Bagi pelajar yang menjalankan latihan praktikum ini mereka akan dinilai tahap prestasi mereka oleh pensyarah KUSTEM dan penyelia majikan organisasi yang ditetapkan. Seterusnya hasil penilaian ini akan diambil kira dalam penentuan purata markah keseluruhan atau kumulatif (PMK) pelajar.

Seterusnya, di akhir tempoh praktikum, satu laporan mengenai program praktikum dihasilkan dan laporan ini perlu diserahkan kepada penyelia yang untuk dibuat penilaian. Jelasnya di sini keyakinan dan kemampuan pelajar dalam menyampaikan kejayaan penghasilan output yang berkualiti. Ternyatah saya perluang untuk membuktikan kebolehan dalam menjalani latihan praktikum yang diamanahkan dengan penuh keyakinan, bermotivasi tinggi, komited dan bertanggungjawab.

Tujuan utama Latihan Industri ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar agar dapat menimba pengetahuan dan pengalaman melalui latihan praktikum ini selain daripada mengesahkan kecekapan dan kemahiran teori yang dipelajari di dewan kuliah. Ini juga membolehkan pera pelajar menikmati dan melihat sendiri teori-teori yang dipelajari di dewan kuliah dengan kerja-kerja praktikal yang mana ianya dijalankan sepanjang latihan praktikum ini.

Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang tempoh latihan amat berguna kerana pelatih dapat mempelajari sedikit sebanyak pengalaman dalam membangunkan organisasi. Dengan ini pelajar dapat melihat dengan jelas dan dekat corak pentadbiran sesebuah organisasi dan mengaplikasikan dengan apa yang dipelajari semasa di universiti. Kebolehan untuk mencari kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam pengurusan sesebuah organisasi dan mencari jalan penyelesaian terhadap kelemahan yang wujud. Kajian seperti ini juga boleh juga dijadikan salah satu bahan rujukan atau sumber maklumat serta contoh terhadap pengkajian yang akan dijalankan.

Kajian yang dilakukan adalah meneliti pengurusan dan pentadbiran serta fungsi-fungsi seperti bahagian di PTB berdasarkan teori yang telah dipelajari semasa kuliah di universiti. Perbincangan dan penekanan terhadap pengurusan meliputi lima bidang tugas utama iaitu ia menyentuh aspek tugas dan peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan iaitu pengendalian pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan serta corak dan kaedah yang digunakan.